

KERATAN AKHBAR

TARIKH	: 25 JANUARI 2023
AKHBAR	: HARIAN METRO
PAUTAN	: https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/01/929190/koridor-ekonomi-akan-kembangkan-projek-rantaian-makanan

Koridor ekonomi akan kembangkan projek rantaian makanan [METROTV]

Putrajaya: Agensi pelaksana koridor ekonomi seperti Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECER), Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) dan Wilayah Iskandar sedang dalam proses mengembangkan lagi projek berkait nilai rantaian makanan.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, pihak pengendali koridor ekonomi sudah diberikan arahan dan mandat bahawa perkara itu adalah tumpuan kerajaan.

"Agensi pelaksana ini sedang dalam proses mengembangkan lagi projek yang bersabit dengan nilai rantaian makanan yang sedia ada dijalankan supaya boleh terus diperluaskan lagi.

"Mereka juga mengenal pasti tanaman baharu untuk dipadankan dengan tanah, penerima, pengusaha dan pembeli, akan ambil masa sedikit demi sedikit, kumpulan pertama, kedua dan sebagainya.

"Di Johor (Wilayah Iskandar) mereka ada melihat beberapa projek yang boleh dipertimbangkan, pertanian kontrak dan sebagainya untuk dipadankan," katanya pada sidang media di sini hari ini.

Beliau berkata, begitu juga dengan pelaburan yang hendak masuk ke Malaysia yang perlu dipastikan bersifat agro teknologi.

"Tetapi untuk masuk dan kekal lama di negara ini, mereka memerlukan ekosistem pertanian yang boleh dikekalkan, kalau tidak dia masuk tapi contohnya bahan mentah itu tidak ada ataupun bahan mentah itu dibuat oleh semua.

"Contoh tanam jagung, semua tanam jagung, lepas itu bila harga jagung jatuh mendadak, tidak ada orang yang tengok.

"Jadi dia perlukan campur tangan kerajaan di peringkat pembekalan itu untuk memastikan dibekalkan untuk satu tempoh," katanya.

Selain itu, Rafizi berkata, kementeriannya juga sedang menunggu maklum balas cadangan beberapa syarikat berkait kerajaan (GLC) bagi kajian kebolehlaksanaan berkait rantaian makanan.

"Kementerian Ekonomi sudah duduk berbincang dengan beberapa GLC, kita sedang menunggu mereka kembali dengan beberapa cadangan, pelaburan berimpak tinggi dalam sektor-sektor makanan terutama yang bersifat huluan.

"Kita tahu masalah kita selalunya pelaburan di peringkat huluan rantai makanan itu yang mahal, kerana hendak buat itu perlukan teknologi, kepakaran, pelaburan besar yang mana pengusaha pertanian biasa ini di luar kemampuan mereka.

"Jadi sebahagian tugas ini memang kita minta supaya GLC pertimbangkan, jadi saya menunggu beberapa GLC yang saya telah duduk berbincang untuk mereka datang balik dengan kajian kebolehlaksanaan.

"Kerana kita juga pastikan GLC ini buat perniagaan yang boleh buat duit dan boleh dikekalkan, kalau tidak benda itu lepas dua tahun umum, lepas itu tidak jalan," katanya.

Beliau berkata, semua perkara itu sudah dijalankan dalam tempoh dua bulan yang lalu dan ketika ini sedang menunggu proses seterusnya.

"Sebab itu saya sebut berulang kali, dalam kita menyelesaikan masalah dari segi perbekalan rantai makanan ini, kita juga perlukan orang ramai dan ekonomi kita memberi tindak balas kepada bila harga barang tertentu itu turun.

"Ini supaya tindak balas itu boleh disambut peniaga untuk turut melambangkan penurunan harga yang sepatutnya," katanya.